



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH SETIAUSAHA EKSEKUTIF
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LEMBAGA)**

**MENGENAI KEPUTUSAN PENGETUARAN LESEN
PENGENDALIAN SEMENTARA (TOL)
SYARIKAT LYNAS (MALAYSIA) SDN. BHD. (LYNAS)**

-
1. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) dalam mesyuaratnya pada 30 Januari 2012 telah memutuskan agar permohonan Lesen Pengendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas (Malaysia) Sdn. Bhd. (Lynas), diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. Walau bagaimanapun, TOL tidak dikeluarkan kerana Lynas perlu mematuhi syarat tambahan yang dibuat di bawah Akta 304 dan perundangan subsidiarinya.

 2. Lembaga dalam mesyuaratnya pada hari Isnin, 3 September 2012, telah berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi semua aspek teknikal, termasuk kaedah kawalan debu serta imobilisasi bahan radioaktif dalam residu, dan keperluan perundangan yang ditetapkan. Lembaga juga mengambil maklum bahawa Lynas telah membuat komitmen untuk membawa residu *Water Leach Purification* (WLP) yang terhasil dalam projek LAMP keluar daripada Malaysia dalam bentuk produk komersial. Sehubungan itu, Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan TOL kepada Lynas bagi tempoh 2 tahun berkuat kuasa dari 3 September 2012 sehingga 2 September 2014. TOL ini akan membolehkan Lynas sebagai percubaan mengilang bahan mentah pekatan lanthanid secara berperingkat dan terhad serta dikawalselia secara berterusan oleh agensi penguatkuasa.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
5 September 2012

Taklimat Media mengenai kenyataan di atas akan diadakan pada jam 10 pagi, hari Jumaat, 7 September 2012 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Ibu Pejabat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24 Jalan Dengkil, 43800 Selangor.



**PRESS STATEMENT
BY EXECUTIVE SECRETARY,
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD (BOARD)**

**DECISION ON THE ISSUANCE OF THE TEMPORARY OPERATING LICENCE (TOL) TO
LYNAS (MALAYSIA) SDN. BHD.**

1. The Atomic Energy Licensing Board (Board) at its meeting on 30 January 2012 had decided to approve the application for a TOL by Lynas (Malaysia) Sdn. Bhd. (Lynas), subject to several conditions. The TOL, however, was not issued since Lynas need to fulfil additional conditions under Act 304 and its subsidiary regulations.

2. The Board at its meeting on Monday, 3 September 2012, was satisfied that Lynas has fulfilled all technical aspects, including the institution of dust control measures and radioactivity immobilisation methodologies in its residue management system, and all regulatory requirements. The Board also took note that Lynas has made a commitment to remove from Malaysia the *Water Leach Purification* residue arising from its LAMP project. In this regard, the Board has decided to issue the TOL to Lynas, to be effective for two years from 3 September 2012 to 2 September 2014. The TOL will enable Lynas to conduct trial processing of lanthanide concentrates in stages and in limited quantities under close and continuous surveillance by the authorities.

Atomic Energy Licensing Board
Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)
5 September 2012

A Press Briefing will be held at 10 am, Bilik Mesyuarat Lembaga, Ibu Pejabat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24 Jalan Dengkil, 43800 Selangor on Friday 7 September 2012.